

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	31/10/2018

# Kerajaan bebas rasuah

**Mahu orang ramai ganding bahu perangi rasuah**

MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY

KUALA LUMPUR

**P**erdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan kerajaan pada hari ini bersih daripada gejala rasuah.

Menurutnya, tiada laporan rasuah terhadap kerajaan PH berbanding kes yang begitu banyak dilaporkan ketika zaman pemerintahan Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Satu perkara yang anda boleh lihat sendiri ialah tiada laporan ataupun tuduhan kepada kerajaan ambil rasuah

diperkatakan terutama dalam media.

"Jika sebelum ini (kerajaan terdahulu), hari-hari orang cakap pasal rasuah. Ada saja laporan diterima yang dedahkan kerajaan dahulu terlibat rasuah," katanya dalam ucapan-tama Persidangan Anti Rasuah 2018 dan tadbir urus yang baik bagi Pertumbuhan Ekonomi Mampan, semalam.

Menurutnya, beliau juga percaya kerajaan mampu memastikan gejala rasuah dalam negara ini dikurangkan.

"Namun, harus diakui ia cukup sukar kerana kerajaan terdahulu menggalakkan rasuah. Kerajaan kini tidak mencuri duit untuk beri kepada orang lain seperti diamalkan kerajaan BN," katanya.

Beliau turut menjangkakan indeks rasuah negara juga semakin berada di tahap terbaik dengan usaha kerajaan mengatasi gejala itu.



Dr Mahathir (tengah) tiba pada Persidangan 'Anti-Corruption Summit 2018', semalam.

Sementara itu, beliau mendedahkan, kerajaan terpaksa menolak sumbangan RM100 juta yang mahu diberikan oleh sebuah syarikat untuk Tabung Harapan Malaysia.

Katanya, ia kerana dikhuatiri mempunyai niat lain dan cuba merasuah kerajaan.

"Kerajaan memang memerlukan wang. Tetapi, ada cubaan menggunakan sumbangan bagi mempengaruhi pentadbiran kerajaan.

"Kerajaan terpaksa menolak wang tersebut kerana ia akan menjadi sumber rasuah," katanya.

Bagaimanapun, Dr Ma-

hathir tidak mendedahkan nama syarikat tersebut.

Selain itu, Dr Mahathir mengajak setiap orang agar berganding bahu bantu kerajaan perangi gejala rasuah.

Beliau berkata, orang ramai tidak perlu takut untuk melaporkan kes rasuah kepada pihak berkuasa, dengan memberi jaminan bahawa langkah mereka itu tidak akan dikenakan sebarang tindakan.

"Kami memerlukan sokongan rakyat. Rakyat hendaklah memahami bahawa rasuah sesuatu yang tidak baik. Oleh itu, mereka perlu mainkan peranan dalam hapuskan rasuah.

"Jika terdapat sebarang bukti rasuah dalam kerajaan, kami berharap orang ramai dapat menyatakannya dan memberitahu kepada pihak berkuasa bahawa terdapat pegawai rasuah dalam kerajaan," katanya.

Sinar Harian - 31/10/2018 W/S: 2  
FOTO:BERNAMA